

Graduan IT jadi petani jaya

Oleh AMMAR JAZLAN
MAD LELA
amm@kosmo.com.my

SEREMBAN - 'Di mana ada kemahuan di situ ada jalan.' Itulah falsafah yang dipegang oleh Khairill Anwar Mohammad, 28, yang menceburi bidang pertanian sejak empat tahun yang lalu.

Paling menarik anak muda yang berasal dari Rembau ini tidak segan silu untuk 'berbakti dengan tanah' walaupun mempunyai kelulusan Diploma Teknologi Maklumat (IT) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam pada tahun 1999.

Bagaimanapun pengorbanannya meninggalkan apa yang dipelajari dahulu berbaloi kerana projek pertanian yang diusahakan berhampiran kampungnya berjaya membalikan hasil yang lumayan.

Kini dia mampu digelar petani berjaya kerana ladang anaman yang dimilikinya mampu mengeluarkan hasil sebanyak RM135,000 setahun dengan kadar pengeluaran tanaman sebanyak 1.5 tan sehari.

Usahnya tidak sia-sia kerana dianugerahkan sebagai 'ladang Muda Lelaki Jaya 006 yang merupakan kali ketiga berturut-turut dicapai' mpena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, pering-

kat Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Khairill Anwar memberitahu pada mulanya dia sekadar untuk menolong salah seorang ahli keluarga sebelum minat itu timbul dan akhirnya mengambil keputusan untuk serius dalam bidang pertanian.

"Saya banyak mendapatkan bantuan Jabatan Pertanian dalam selok-belok pertanian dan akhirnya dihantar untuk berkursus selama setahun di Jepun.

"Hasil sokongan ahli keluarga dan berbekalkan sedikit ilmu yang dikutip di Jepun, saya memberanikan diri membuka perniagaan dalam pertanian di samping menyahut seruan kerajaan pada ketika itu," katanya.

Tambahnya yang kini dibantu empat orang pekerja untuk menguruskan ladangnya yang seluas lebih 10 hektar, disiplin kerja yang berterusan dan tidak mudah berputus asa membolehkannya berjaya sehingga ke tahap ini.

"Diploma yang dipegang hanyalah sebagai satu batu loncatan untuk saya lebih berjaya di dalam bidang yang diabaikan, paling penting adalah minat dan usaha kita untuk merealisasikan apa yang ingin dicapai.

"Bidang pertanian menuntut seseorang petani untuk mempelajari pelbagai teknologi baru yang digunakan,

KOSMO 16/8/06 (Ms 13)

matlamat saya adalah untuk meneruskan usaha dan mengembangkan perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya.

Berlainan pula dengan Rosmala Ghazali, 40, yang menerima anugerah Usahawan Industri Kecil Sederhana Jaya kerana kecemerlangannya dalam perniagaan makanan tradisional sejuk beku di bengkelnya di Kampung Ji-boi, Ampangan.

Dia yang memulakan perniagaan berkenaan sejak tahun 2004 pernah bekerja sebagai pegawai IT di sebuah syarikat di Kuala Lumpur selama 13 tahun.

Antara produk-produk makanan beku yang dihasilkan adalah seperti kuih koci, lumpang, cacca berlauk di samping roti canai, popia dan karipap.

"Saya tidak menyesali menceburi bidang perniagaan ini, niat saya adalah untuk meneruskan tradisi kuih tradisional walaupun kaedah yang digunakan sedikit berbeza.

"Kini saya berpuas hati kerana produk yang dihasilkan mula mendapat tempat di pasar raya dan hotel di sekitar negeri ini dan juga Lembah Klang," katanya.

Jelasnya, daripada hanya bermodalkan RM5,000, kini nilai pengeluaran syarikatnya mampu mencecah kepada RM75,000 tahun lalu.



KHAIRILL dan Rosmala bersama sijil pengiktirafan petani dan usahawan tani jaya masing-masing pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Sembilan baru-baru ini.